
KEWANGAN SEKTOR AWAM | 4

- 4-1 ● Perspektif Keseluruhan
 - 4-1 ● Kerajaan Persekutuan
 - 4-15 ● Kerajaan Negeri
 - 4-16 ● Kerajaan Am
 - 4-16 ● Syarikat Awam Bukan Kewangan
 - 4-16 ● Sektor Awam Disatukan
 - 4-17 ● Prospek
-

Perspektif Keseluruhan

Dasar Fiskal Pada Tahun 2015

Pembaharuan struktur memperkukuh kedudukan fiskal

Kerajaan terus komited melaksanakan konsolidasi fiskal ke arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Konsolidasi fiskal yang menasaskan pengurangan defisit dan hutang, memerlukan peningkatan ketara hasil yang berterusan dan perbelanjaan berhemat. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembaharuan struktur bagi mengukuhkan lagi kedudukan fiskal dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mapan. Inisiatif ini amat penting untuk mewujudkan ruang fiskal dan fleksibiliti yang besar bagi melaksanakan langkah kitaran balas dalam menyokong ekonomi ketika krisis.

Inisiatif pembaharuan fiskal ini termasuk pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta rasionalisasi subsidi. GST yang diperkenalkan pada bulan April 2015 menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) bertujuan memperluas asas cukai dan meningkatkan kecekapan sistem percukaian. Melalui inisiatif rasionalisasi subsidi ini, mekanisme pengapungan terkawal harga minyak telah diperluas kepada petrol RON95 dan diesel pada bulan Disember 2014 yang membawa kepada pengurangan ketara dalam subsidi bahan api. Selain itu, Kerajaan telah menggunakan Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) sebagai panduan dalam menggubal strategi bagi mencapai sasaran fiskal untuk jangka sederhana (3 – 5 tahun). Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) yang ditubuhkan sebagai sebahagian daripada inisiatif pembaharuan fiskal terus memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kewangan awam dan memastikan keselamatan fiskal jangka panjang.

Selaras dengan komitmen teguh Kerajaan kepada konsolidasi fiskal, defisit fiskal sebagai peratusan kepada KDNK telah berjaya dikurangkan daripada 6.7% (2009) kepada 3.4% (2014). Sungguhpun berhadapan dengan cabaran global semasa, terutamanya volatiliti dalam harga komoditi, inisiatif pembaharuan akan terus dipergiat dan diperkukuh. Sehubungan itu, sejajar dengan langkah peningkatan hasil dan rasionalisasi perbelanjaan, defisit dijangka terus berkurang kepada 3.2% daripada KDNK pada tahun 2015.

Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (MTFF)

MTFF menggariskan unjuran fiskal melebihi tempoh bajet tahunan, berserta inisiatif utama dasar fiskal yang diperlukan. Kerangka ini mengambil kira terutamanya andaian makroekonomi dan polisi, unjuran sumber hasil dan komitmen perbelanjaan. MTFF menjadi asas penggubalan proses bajet dengan menyediakan siling perbelanjaan indikatif bagi tempoh beberapa tahun untuk setiap kementerian. Kaedah ini juga membolehkan setiap kementerian mengunjur perbelanjaan dalam jangka sederhana serta menyediakan fleksibiliti kepada kementerian dalam menyusun keutamaan program dan aktiviti.

Berdasarkan kerangka ini, defisit dijangka terus dikurangkan ke arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Walaupun paras defisit sebagai peratusan kepada KDNK telah dikurangkan 3.3 mata peratusan dari tahun 2009 hingga 2014, penggunaan MTFF amat penting bagi mengurus dan kekal fokus terhadap pelbagai elemen dan komitmen serta memastikan konsolidasi fiskal. MTFF memberi gambaran kedudukan kewangan Kerajaan secara menyeluruh dan membantu mengekalkan momentum konsolidasi. Pelaksanaan MTFF akan mengukuhkan pengurusan fiskal yang berhemat dan menyediakan panduan dasar yang lebih baik bagi memastikan keselamatan fiskal jangka panjang.

Kerajaan Persekutuan

Kerajaan telah mengumumkan langkah awal dan menyemak semula Bajet pada 20 Januari 2015 bagi menangani impak penurunan harga minyak mentah ke atas hasil. Dengan harga minyak mentah yang lebih rendah, hasil dianggar berkurang sebanyak RM12.8 bilion. Walau bagaimanapun, penjimatan pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal harga minyak berjumlah RM10.7 bilion masih tidak mencukupi untuk menampung kekurangan hasil dan pelaksanaan langkah Bajet 2015. Justeru, untuk terus kekal di landasan konsolidasi, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurangkan perbelanjaan tidak kritikal dan melaksanakan penjimatan kos yang lebih ketat.

Pada tahun 2015, kutipan hasil dijangka berkurang 5.4% atau 0.8% daripada KDNK berbanding unjuran asal berikutan penurunan mendadak hasil berkaitan petroleum.

JADUAL 4.1

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2014 – 2016

	RM juta			% Pertumbuhan			% KDNK		
	2014	2015 ¹	2016 ²	2014	2015 ¹	2016 ²	2014	2015 ¹	2016 ²
Hasil	220,626	222,455	225,656	3.4	0.8	1.4	19.9	19.2	18.2
Perbelanjaan mengurus	219,589	213,314	215,224	3.9	-2.9	0.9	19.8	18.4	17.3
Baki semasa	1,037	9,141	10,432	-50.6	781.5	14.1	0.1	0.8	0.8
Perbelanjaan pembangunan kasar	39,503	47,423	50,000	-6.4	20.0	5.4	3.6	4.1	4.0
Tolak: Terimaan balik pinjaman	1,052	1,033	785	-31.1	-1.8	-24.0	0.1	0.1	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	38,451	46,390	49,215	-5.5	20.6	6.1	3.5	4.0	4.0
Baki keseluruhan	-37,414	-37,249	-38,783	-3.0	-0.4	4.1	-3.4	-3.2	-3.1

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2016.

Walau bagaimanapun, kesannya akan diimbangi oleh anggaran kutipan GST yang lebih tinggi. Sementara itu, jumlah perbelanjaan sebagai peratusan KDNK dianggar berkurang 0.6% berbanding peruntukan asal. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyemak semula sasaran defisit fiskal tahun 2015 daripada sasaran asal 3% kepada 3.2% daripada KDNK, lebih rendah daripada 3.4% yang dicapai pada tahun 2014, mencerminkan komitmen ke arah konsolidasi fiskal.

Hasil

GST mengurangkan impak penurunan harga minyak mentah

Kerajaan terus mengukuhkan pengurusan fiskal dengan memperluas dan mempelbagai asas kutipan hasil. Pelaksanaan GST menyediakan sistem percukaian yang lebih saksama dan telus serta memastikan sumber hasil yang kukuh dan mapan. Pada tahun 2015, hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat marginal 0.8% (2014: 3.4%) kepada RM222.5 bilion manakala peratusannya kepada KDNK dijangka kekal 19.2% walaupun kutipan hasil berkaitan petroleum dan hasil bukan cukai adalah rendah.

Kerajaan terus berusaha mengurangkan kebergantungan terhadap hasil berkaitan petroleum. Peratusan hasil berkaitan petroleum berbanding hasil keseluruhan menunjukkan penurunan daripada 41.3% (2009) kepada 30% (2014), meskipun purata harga minyak mentah dunia kekal tinggi pada USD95 sebarel dalam tempoh tersebut. Peratusan ini dijangka terus berkurang kepada 19.7% daripada jumlah hasil pada tahun 2015 berikutan kejatuhan ketara harga minyak mentah. Sebaliknya peratusan hasil bukan petroleum telah meningkat daripada 58.7% (2009) kepada 70% (2014) dan dijangka terus meningkat kepada 80.3% pada tahun 2015. Sebagai peratusan kepada KDNK, hasil berkaitan petroleum dijangka mencatat 3.8% sementara hasil bukan petroleum pada 15.4% pada tahun 2015 (2014: 6%; 13.9%). Peningkatan hasil bukan petroleum ini turut disumbangkan oleh kutipan GST.


Hasil cukai yang merupakan penyumbang utama kepada hasil Kerajaan Persekutuan meliputi 76.4%, dijangka meningkat 3.5% pada tahun 2015 kepada RM170 bilion dan kekal tinggi pada 15.1% daripada KDNK (2014: 14.8%). **Cukai langsung** yang mewakili 52.5% daripada jumlah hasil, dianggar menyusut 7.9% kepada RM116.8 bilion pada tahun 2015 (2014: 5.2%; RM126.7 bilion) disebabkan oleh harga *Dated Brent* yang lebih rendah pada purata USD50 sebarel (2014: USD99 sebarel). Walau bagaimanapun, cukai pendapatan syarikat yang merupakan komponen terbesar, mewakili 40.2% daripada jumlah hasil cukai, dianggar meningkat 4.7% kepada RM68.3 bilion (2014: 12.1%; RM65.2 bilion). Peningkatan ini disumbang oleh pematuhan cukai yang lebih baik seiring usaha berterusan dalam menambah baik pentadbiran dan pengauditan cukai. Selain itu, cukai pendapatan individu

dijangka meningkat 15.3% kepada RM28.2 bilion, didorong oleh pertumbuhan stabil guna tenaga dan upah meskipun kadar cukai diturunkan antara 1% dan 3% bagi semua banjaran pendapatan mulai tahun 2015. Sementara itu, cukai pendapatan petroleum (PITA) yang merangkumi 5.6% daripada jumlah hasil cukai dijangka berkurang kepada RM9.5 bilion disebabkan oleh jangkaan harga minyak mentah yang lebih rendah walaupun pengeluarannya stabil. Selain itu, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dijangka meningkat kepada RM2.1 bilion disebabkan terutamanya oleh semakan semula kadar cukai serta nilai harta tanah yang lebih tinggi.

Cukai tidak langsung dijangka melonjak 42.2% kepada RM53.3 bilion, didorong oleh pengenalan GST. Sejak pelaksanaan GST, bilangan syarikat berdaftar telah meningkat kepada 390,378 sehingga bulan September 2015 berbanding anggaran asal yang lebih rendah sebanyak 146,000 syarikat. Pertambahan bilangan syarikat berdaftar mendorong kepada pematuhan cukai yang lebih baik oleh syarikat. Pada tahun 2015, kutipan GST dianggarkan berjumlah RM27 bilion berbanding unjuran asal RM21.7 bilion. Dalam tempoh Januari hingga Mac 2015, Kerajaan juga telah memungut hasil SST sebanyak RM7.6 bilion. Di samping itu, duti import dijangka meningkat 2.1% kepada RM2.7 bilion selaras dengan permintaan kukuh terhadap barangan pengantara dan modal. Walau bagaimanapun, duti eksais dijangka menyusut 5.9% kepada RM12.2 bilion (2014: RM12.9 bilion) disebabkan oleh jualan kenderaan

CARTA 4.1

Peratusan Hasil Berkaitan dan Bukan Petroleum kepada Jumlah Hasil



¹ Anggaran disemak.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

Rencana 1

Maklumat Terkini Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan

Pengenalan

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) telah dilaksanakan pada 1 April 2015, menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan. GST bertujuan memperkemas struktur cukai kepenggunaan terdahulu supaya lebih cekap, berkesan, telus dan mesra perniagaan. GST memudahkan sistem cukai terdahulu yang mempunyai pelbagai kadar dan *threshold* jualan tahunan kepada satu kadar iaitu 6% dan *threshold* jualan tahunan sebanyak RM500,000 bagi perniagaan. Pada dasarnya, GST memperluas asas cukai selaras dengan keseluruhan inisiatif Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan fiskal.

Pra-pelaksanaan GST

Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 telah diwartakan pada 19 Jun 2014 manakala semua perundangan subsidiari yang berkaitan telah diwartakan pada 1 Julai 2014. Lebih daripada 70 Panduan GST telah dikeluarkan bagi membantu industri lebih memahami GST. Selain itu, program *hand-holding* telah dijalankan secara intensif sebelum pelaksanaan GST bagi membantu perniagaan memahami aspek teknikal dan perundangan GST. Sebanyak 6,420 program latihan telah dijalankan, melibatkan lebih daripada 500,000 peserta dari industri, persatuan, pertubuhan bukan kerajaan, profesional dan agensi kerajaan. Di samping itu, buku panduan berkaitan 'Ciri Penting GST, Perakaunan Cukai, Pelaksanaan GST dan Persediaan untuk Peniaga', 'Soalan Lazim mengenai GST untuk Perniagaan' serta 'Panduan GST bagi Barang Runcit untuk Pengguna' telah diterbitkan dan boleh diakses atas talian di portal MyGST. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan kepada undang-undang GST serta peraturan dan garis panduan yang berkaitan, Jawatankuasa Eksekutif Pemantauan GST telah ditubuhkan pada bulan Mei 2014. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menangani isu yang dibangkitkan oleh rakyat serta mengambil kira pandangan ke arah penambahbaikan pelaksanaan GST.


Pendaftaran GST

Sejumlah 390,378 entiti perniagaan telah didaftarkan di bawah GST pada September 2015 berbanding 300,811 pendaftaran semasa tempoh bagi pendaftaran wajib berakhir 31 Disember 2014. Bilangan registran yang meningkat, termasuk pendaftaran secara sukarela adalah petunjuk positif bahawa perniagaan adalah lebih patuh cukai kerana mereka mula menyedari manfaat daripada pendaftaran di bawah sistem GST. Peningkatan bilangan ini secara tidak langsung akan meningkatkan potensi hasil yang akan dijana, berikutan sebahagian daripada perniagaan ini tidak termasuk di bawah sistem percukaian terdahulu. Dalam usaha untuk menggalakkan lebih banyak perniagaan mendaftar, Kerajaan terus memudahkan proses pendaftaran melalui langkah berikut:


- Menambah baik portal MyGST untuk pendaftaran dengan ciri-ciri yang lebih mudah;
- Sesi khas untuk proses pendaftaran dalam semua program latihan GST yang dilaksanakan di seluruh negara;
- Panduan demonstrasi video secara langkah demi langkah untuk mendaftar; dan
- Promosi secara menyeluruh melalui media arus perdana dan media sosial.

CARTA 1

Bilangan Registran Mengikut Sektor




CARTA 2

Bilangan Registran Mengikut Entiti

¹Termasuk profesional, individu, persatuan, perkongsian liabiliti terhad dan pihak berkuasa awam.

Sumber: Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

CARTA 3

Bilangan Registran Mengikut Pentadbiran Kastam**Pakej Bantuan GST**

Kerajaan telah menyediakan pakej bantuan dalam bentuk cukai dan bukan cukai untuk membantu perniagaan dan pengguna. Bantuan yang disediakan termasuk:

- Geran sebanyak RM1,000 untuk PKS bagi pembelian perisian perakaunan patuh GST, memanfaatkan lebih daripada 120,000 perniagaan;
- Potongan ke atas yuran kesetiausahaan sehingga RM5,000 dan yuran pemfailan cukai sehingga RM10,000;
- Elaun Modal Dipercepatkan sehingga tahun taksiran 2016 bagi kos pembelian peralatan dan perisian ICT;
- Perbelanjaan ke atas kos latihan perakaunan dan ICT berkaitan GST diberi potongan cukai tambahan bagi tahun taksiran 2014 dan 2015;
- Kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan daripada 25% kepada 24%, sementara cukai pendapatan bagi syarikat kecil dan sederhana dikurangkan daripada 20% kepada 19% mulai tahun taksiran 2016;
- Penurunan kadar cukai pendapatan individu antara 1% – 3% bagi semua kumpulan pendapatan boleh cukai berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015;
- Kumpulan pendapatan bercukai tertakluk kepada kadar cukai maksimum dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM400,000;
- Kadar cukai maksimum 26% akan dikurangkan kepada 24% (RM100,001-RM250,000), 24.5% (RM250,001-RM400,000) dan 25% (melebihi RM400,000); dan
- Bantuan tunai secara *one-off* sebanyak RM300 kepada penerima BR1M.

Isu dan Cabaran Pelaksanaan GST

Pelaksanaan GST secara relatif telah berjalan dengan lancar berikutan persiapan awal dan kerjasama daripada semua pihak. Isu yang dibangkitkan di peringkat awal pelaksanaan GST telah diperjelas dan disampaikan kepada rakyat dan perniagaan melalui kenyataan media, taklimat dan makluman melalui portal MyGST. Pusat Koordinasi GST telah ditubuhkan untuk memantau dan memberi penjelasan mengenai isu-isu GST di media sosial. Hasil daripada penglibatan dan komunikasi yang berterusan dengan komuniti perniagaan dan rakyat, bilangan aduan yang diterima telah berkurang dengan ketara daripada 4,564 pada bulan April 2015 kepada 147 pada bulan Ogos 2015.

Antara isu berbangkit dan cabaran dalam pelaksanaan GST termasuk:

- Pengeluaran invois cukai tidak menepati kriteria
Terdapat perniagaan yang masih tidak dapat mengeluarkan invois cukai GST yang betul berikutan kegagalan dalam memperoleh dan memasang perisian dan perkakasan patuh GST dalam masa yang ditetapkan. Bagi membantu peniaga, invois cukai tulisan tangan untuk mengenakan GST dibenarkan sehingga akhir September 2015 dengan syarat kriteria minimum tertentu dipenuhi bagi membolehkan perniagaan bersedia dengan pelaksanaan GST.

- **Kekeliruan antara caj perkhidmatan dan cukai perkhidmatan**
Caj perkhidmatan adalah caj yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan dalam industri hospitaliti. Ia bukan cukai yang dipungut oleh Kerajaan. Sebaliknya, cukai perkhidmatan pula merupakan cukai yang dipungut oleh Kerajaan. Sebelum pelaksanaan GST, cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas caj perkhidmatan. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan GST, caj perkhidmatan dianggap sebagai sebahagian daripada bayaran bagi pembekalan perkhidmatan dan GST juga dikenakan ke atas caj perkhidmatan tersebut. Bagi memberikan kepastian dan kejelasan kepada pengguna, pembekal perkhidmatan dikehendaki mempamerkan notis yang menyatakan caj perkhidmatan dikenakan di premis mereka.
- **Kenaikan harga**
Untuk melindungi kepentingan pengguna, Kerajaan akan memastikan peniaga tidak menggunakan GST sebagai alasan untuk menaikkan harga barangan bertujuan mengaut keuntungan berlebihan. Antara langkah yang diambil bagi melindungi pengguna termasuk penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 dan penerbitan Panduan Harga Pengguna untuk membantu pengguna dalam membandingkan harga sebelum dan selepas pelaksanaan GST. Di bawah program "Ops Catut", pemeriksaan premis perniagaan juga dijalankan bagi memastikan peniaga tidak mengaut keuntungan berlebihan, di mana tindakan akan diambil terhadap peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Tuntutan Cukai Input dan Bayaran Balik

Lebih 90% daripada registran GST telah mengemukakan penyata Tuntutan Cukai Input bulanan dan suku tahunan dalam tempoh yang ditetapkan, mencerminkan tahap pematuhan yang tinggi. Daripada jumlah ini, lebih 99% daripada penyata dikemukakan secara elektronik. Walau bagaimanapun, proses pembayaran balik bagi serahan secara elektronik telah mengambil masa lebih daripada 14 hari bekerja disebabkan oleh beberapa faktor termasuk:

- Tuntutan dibuat dalam tempoh bercukai yang salah;
- Entri dalam penyata yang tidak betul, tidak lengkap atau menyatakan bekalan dalam kotak yang salah;
- Syarikat tidak dapat dihubungi selepas tujuh hari dari tarikh pengeluaran notis untuk pengesahan dan maklumat lanjut;
- Maklum balas lewat atau tidak diterima daripada pemohon kepada pertanyaan oleh pegawai bayaran balik GST;
- Tuntutan palsu atau diragui yang memerlukan semakan lanjut oleh pegawai bayaran balik GST;
- Tuntutan Cukai Input dibuat ke atas 'Cukai Input Disekat' atau perbelanjaan yang tidak dibenarkan;
- Syarikat di bawah pendaftaran kumpulan mengemukakan penyata secara individu; dan
- Maklumat perbankan syarikat yang tidak betul atau tidak lengkap.

Perubahan Kepada Struktur Dan Layanan GST

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan GST, Kerajaan telah mengemaskini dan membuat beberapa perubahan kepada struktur dan layanan GST seperti berikut:

- Pelepasan ke atas pembekalan barang yang dibuat di antara dan di dalam kawasan zon bebas;
- Transaksi di antara pemilik tanah dan pemaju dalam usaha sama bagi pembangunan harta tanah adalah dianggap sebagai bukan bekalan;
- Pelepasan daripada pembayaran GST ke atas perolehan perkhidmatan bagi kedutaan, konsular dan organisasi antarabangsa untuk kegunaan rasmi;
- Menambah ubat-ubatan pada kadar sifar daripada 2,900 kepada 4,215 item dan peralatan perubatan kepada 128 item;
- Tambahan pengecualian ke atas jenis perkhidmatan pendidikan (pendidikan vokasional yang diberikan oleh penyedia latihan kemahiran yang menjalankan program yang diluluskan dan bertauliah di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006);
- Rumah ibadat dibenarkan untuk berdaftar secara berasingan atau secara bebas daripada badan pentadbir; dan
- Kadar sifar bagi bekalan buku elektronik dan jurnal elektronik.

Penutup

Pengenalan GST merupakan suatu pembaharuan cukai yang penting memandangkan ia adalah satu sistem yang saksama dan cekap serta dapat memperluas asas percukaian. Kerajaan akan terus berusaha menangani isu-isu dasar dan pelaksanaan bagi memastikan tahap pematuhan yang tinggi. GST telah dilaksanakan dengan lancar, hasil kerjasama erat di antara Kerajaan dan perniagaan serta penerimaan baik oleh orang awam.

JADUAL 4.2

Hasil Kerajaan Persekutuan 2014 – 2016

	RM juta			% Pertumbuhan			% Bahagian		
	2014	2015 ²	2016 ³	2014	2015 ²	2016 ³	2014	2015 ²	2016 ³
Hasil cukai	164,205	170,018	183,553	5.3	3.5	8.0	74.4	76.4	81.3
Cukai langsung	126,743	116,760	125,566	5.2	-7.9	7.5	57.4	52.5	55.6
antaranya:									
Syarikat	65,240	68,320	74,381	12.1	4.7	8.9	29.6	30.7	33.0
PITA ¹	26,956	9,529	9,331	-9.4	-64.6	-2.1	12.2	4.3	4.1
Individu	24,423	28,155	30,266	5.9	15.3	7.5	11.1	12.7	13.4
Cukai tidak langsung	37,462	53,258	57,987	5.7	42.2	8.9	17.0	23.9	25.7
antaranya:									
Duti eksais	12,925	12,168	12,408	6.0	-5.9	2.0	5.9	5.5	5.5
Cukai jualan	10,939	4,784	-	8.7	-56.3	-	5.0	2.2	-
Cukai perkhidmatan	6,277	2,851	-	5.6	-54.6	-	2.8	1.3	-
GST	-	27,000	39,000	-	-	44.4	-	12.1	17.3
Hasil bukan cukai	56,421	52,437	42,103	-1.7	-7.1	-19.7	25.6	23.6	18.7
antaranya:									
Lesen dan permit	14,254	12,460	12,626	6.2	-12.6	1.3	6.5	5.6	5.6
Pendapatan pelaburan	33,756	32,172	21,452	-4.4	-4.7	-33.3	15.3	14.5	9.5
Jumlah hasil	220,626	222,455	225,656	3.4	0.8	1.4	100.0	100.0	100.0
% KDNK	19.9	19.2	18.2						

¹ Cukai pendapatan petroleum.

² Anggaran disemak.

³ Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah percubaan 2016.

bermotor yang lebih rendah sebanyak 3.3% kepada 322,184 unit bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2015 (Januari – Jun 2014: 333,156 unit)¹. Trend penurunan ini dijangka akan berterusan sehingga akhir tahun. Pada masa yang sama, duti eksport dijangka menurun kepada RM1.1 bilion (2014: RM1.9 bilion) selaras dengan volum eksport dan harga minyak mentah yang lebih rendah.

Hasil bukan cukai² dijangka menurun 7.1% kepada RM52.4 bilion, disebabkan terimaan yang lebih rendah daripada royalti petroleum. Pendapatan pelaburan, terutamanya disumbangkan oleh Petrolia Nasional Bhd (PETRONAS), Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional Bhd, kekal sebagai komponen terbesar hasil bukan cukai dengan sumbangan 61.4%. Jumlah terimaan daripada lesen dan permit dijangka merosot 12.6% disebabkan penurunan ketara dalam terimaan royalti petroleum walaupun kutipan lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing meningkat.

Perbelanjaan

Pengurusan perbelanjaan berhemat

Peruntukan Kerajaan Persekutuan akan terus disalurkan ke arah memperkukuh pertumbuhan ekonomi, mewujudkan persekitaran kondusif untuk perniagaan dan mengutamakan perbelanjaan untuk kesejahteraan rakyat. Mengambil

kira pertumbuhan hasil lebih perlahan pada tahun 2015, peruntukan fiskal diuruskan dengan lebih berhemat dan kos efektif. Dalam hal ini, keutamaan perbelanjaan akan disemak semula kepada program dan projek yang mempunyai impak pengganda lebih besar untuk menyokong penggunaan dan meningkatkan kapasiti pengeluaran masa hadapan. Pada tahun 2015, jumlah perbelanjaan dijangka meningkat sederhana 0.6% kepada RM260.7 bilion (2014: 2.2%; RM259.1 bilion) manakala peratusan kepada KDNK dijangka berkurang kepada 22.5% (2014: 23.4%). Perbelanjaan mengurus diperuntukkan sebanyak RM213.3 bilion (81.8%) manakala baki RM47.4 bilion (18.2%) untuk perbelanjaan pembangunan.

Sejajar dengan strategi rasionalisasi perbelanjaan, **perbelanjaan mengurus (OE)** dijangka berkurang 2.9% kepada RM213.3 bilion pada tahun 2015 (2014: 3.9%; RM219.6 bilion). **Emolumen** mewakili 32.4% (6% daripada KDNK) kekal sebagai komponen terbesar OE. Item ini dijangka meningkat marginal 3.2% kepada RM69.1 bilion disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan dan bantuan khas kewangan Hari Raya. Sebagai usaha ke arah perkhidmatan awam yang keajaiban, pewujudan jawatan baharu telah dibekukan dan kekosongan jawatan sedia ada akan diisi melalui pengagihan semula kakitangan. Selain itu, di bawah inisiatif transformasi perkhidmatan awam, Kerajaan akan terus menekankan kepentingan meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi penjawat awam.

¹ Market Review First Half 2015, Malaysian Automotive Association.

² Merangkumi lesen dan permit (termasuk royalti petroleum dan levi), pendapatan pelaburan, bayaran perkhidmatan, denda, jualan barang, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan.

JADUAL 4.3

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Objek 2014 – 2016

	RM juta			% Pertumbuhan			% Bahagian		
	2014	2015 ¹	2016 ²	2014	2015 ¹	2016 ²	2014	2015 ¹	2016 ²
Emolumen	66,947	69,113	70,466	9.7	3.2	2.0	30.5	32.4	32.7
Bayaran khidmat hutang	22,588	24,379	26,639	8.7	7.9	9.3	10.3	11.4	12.4
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	6,530	7,384	7,611	8.0	13.1	3.1	3.0	3.5	3.5
Bayaran persaraan	18,218	18,153	19,496	22.7	-0.4	7.4	8.3	8.5	9.1
Bekalan dan perkhidmatan	34,259	36,638	36,315	1.2	6.9	-0.9	15.6	17.2	16.9
Subsidi	39,703	26,219	26,090	-8.4	-34.0	-0.5	18.1	12.3	12.1
Pemberian kepada badan berkanun	16,353	15,655	12,908	10.8	-4.3	-17.5	7.4	7.3	6.0
Bayaran balik dan hapus kira	1,336	1,664	924	21.8	24.6	-44.5	0.6	0.8	0.4
Lain-lain	13,655	14,109	14,775	-12.1	3.3	4.7	6.2	6.6	6.9
Jumlah	219,589	213,314	215,224	3.9	-2.9	0.9	100.0	100.0	100.0
% KDNK	19.8	18.4	17.3						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2016.

Bekalan dan perkhidmatan yang merangkumi 17.2% daripada OE dianggar berkembang 6.9% kepada RM36.6 bilion. Pertumbuhan bekalan dan perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan baik pulih dan selenggara serta bayaran ke atas perkhidmatan yang diterima. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah melaksanakan strategi rasionalisasi seperti mengurangkan perbelanjaan penganjuran majlis dan acara, perjalanan dan pengangkutan, utiliti serta penangguhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Di samping itu, perbelanjaan tidak kritikal akan dikurangkan melalui penjadualan semula pembelian aset; penjimatan bayaran sewaan dengan mengoptimum penggunaan ruang di premis Kerajaan serta meminimum pengubahsuaian dan baik pulih pejabat Kerajaan.

Perbelanjaan **subsidi**, termasuk bantuan dan insentif, yang mewakili 12.3% daripada jumlah OE dijangka berkurangan kepada RM26.2 bilion pada tahun 2015 (2014: 18.1%; RM39.7 bilion) disebabkan pembayaran subsidi bahan api lebih rendah berikutan pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal harga petrol RON95 dan diesel. Peruntukan masih disediakan untuk bantuan tunai dan program kebajikan sosial; bantuan pendidikan; insentif kepada petani dan nelayan; serta pelbagai subsidi seperti minyak masak dan pampasan tol. Subsidi bahan api terus disediakan bagi pengangkutan awam dan nelayan serta gas petroleum cecair (LPG). Sementara itu, Kerajaan telah meningkatkan amaun Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada maksimum RM950 untuk isi rumah dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM5.2 bilion.

Bayaran khidmat hutang³ dianggar meningkat 7.9% kepada RM24.4 bilion (2014: 8.7%; RM22.6 bilion), mewakili 11.4% daripada jumlah OE. Sebagai salah satu

item tanggungan, bayaran khidmat hutang perlu dibayar terdahulu daripada komitmen lain. Dengan 97% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi ringgit dan pada kadar kupon tetap, pendedahan terhadap risiko pertukaran mata wang dan kadar faedah adalah terkawal. **Bayaran persaraan**⁴ yang mencakupi 8.5% daripada OE dijangka mencatat RM18.2 bilion. Daripada jumlah ini, bayaran pencen dan ganjaran dianggar meningkat 5.6% pada tahun 2015.

Pemberian kepada badan berkanun, terutamanya untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan, dijangka mengecil 4.3% kepada RM15.7 bilion (2014: 10.8%; RM16.4 bilion). Penurunan ini selaras dengan inisiatif menggalakkan badan berkanun mengurangkan kebergantungan kepada geran Persekutuan, terutamanya entiti yang mempunyai aliran pendapatan kukuh dan rizab yang tinggi. Lebih 60% daripada geran akan disalurkan kepada universiti awam, selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan memenuhi keperluan pasaran. Selebihnya geran diperuntukkan terutamanya kepada pihak berkuasa pembangunan wilayah dan pertanian serta agensi mempromosi perdagangan dan pelaburan. Sebanyak RM7.4 bilion pula disediakan kepada **kerajaan negeri** bagi geran yang ditetapkan di bawah Perlembagaan serta bayaran pindahan lain.

Perbelanjaan pembangunan (DE) dijangka meningkat 20% kepada RM47.4 bilion pada tahun 2015 (2014: -6.4%; RM39.5 bilion). Sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar sebanyak 59.7% diikuti oleh sektor sosial (26.3%), keselamatan (10.4%) dan pentadbiran am (3.6%). DE bagi tahun 2015 juga merupakan tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia

³ Merangkumi bayaran kupon dan faedah serta caj dan fi pengurusan.

⁴ Terdiri daripada bayaran pencen, ganjaran (termasuk hadiah wang tunai sebagai gantian cuti rehat) dan pindahan ke Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP).

JADUAL 4.4

Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor 2014 – 2016

	RM juta			% Pertumbuhan			% Bahagian		
	2014	2015 ¹	2016 ²	2014	2015 ¹	2016 ²	2014	2015 ¹	2016 ²
Ekonomi	23,338	28,316	30,303	-5.3	21.3	7.0	59.0	59.7	60.6
antaranya:									
Pertanian dan pembangunan luar bandar	2,875	3,213	3,394	6.8	11.8	5.6	7.3	6.8	6.8
Perdagangan dan perindustrian	4,688	6,768	8,349	-24.9	44.4	23.4	11.9	14.3	16.7
Pengangkutan	7,271	8,734	8,440	-10.8	20.1	-3.4	18.4	18.4	16.9
Sosial	10,490	12,474	13,094	-3.6	18.9	5.0	26.6	26.3	26.2
antaranya:									
Pendidikan dan latihan	4,928	5,629	4,691	-23.5	14.2	-16.7	12.5	11.9	9.4
Kesihatan	1,385	1,564	1,780	-20.3	12.9	13.8	3.5	3.3	3.6
Perumahan	618	2,293	2,588	-27.4	271.0	12.9	1.6	4.8	5.2
Keselamatan	4,332	4,932	5,010	-6.8	13.9	1.6	11.0	10.4	10.0
Pentadbiran am	1,343	1,701	1,593	-33.9	26.6	-6.3	3.4	3.6	3.2
Jumlah	39,503	47,423	50,000	-6.4	20.0	5.4	100.0	100.0	100.0
% KDNK	3.6	4.1	4.0						

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2016.

Kesepuluh (RMKe-10), mewakili 20.6% daripada jumlah siling lima tahun.

Sektor ekonomi diperuntukkan RM28.3 bilion (2014: RM23.3 bilion) selaras dengan usaha meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi. Peruntukan ini adalah bagi membiayai pembangunan infrastruktur pengangkutan, program perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan keusahawanan, menaik taraf kemudahan awam serta projek pertanian dan luar bandar. *Subsektor pengangkutan* kekal sebagai penerima terbesar pada 30.8% atau RM8.7 bilion, terutamanya bagi membiayai pembinaan, penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan raya dan jambatan, lapangan terbang dan pelabuhan serta landasan kereta api. Antara projek yang sedang dilaksanakan termasuk Lebuh raya Pantai Barat daripada Taiping ke Banting, pembinaan landasan berkembar elektrik sepanjang 6.6 km dari Subang Jaya ke Sri Subang; pembelian 10 set kereta api elektrik; menaik taraf lapangan terbang di Kota Kinabalu, Miri dan Mukah; serta menaik taraf perkhidmatan dan membaik pulih landasan kereta api di antara Gua Musang dan Tumpat yang mengalami kerosakan teruk akibat banjir besar pada tahun 2014.

Pada tahun 2015, *subsektor perdagangan dan perindustrian* diperuntukkan RM6.8 bilion atau 23.9% daripada jumlah peruntukan sektor ekonomi. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1.9 bilion (27.4%) disalurkan kepada pembangunan koridor wilayah yang akan memberi tumpuan kepada projek seperti Bandar Pelabuhan Kuantan, *Kuala Terengganu City Centre* Fasa II, Agropolitan Kelantan Selatan, jalan masuk ke Empangan Murum di Kapit dan perindustrian minyak sawit berkelompok di Lahad Datu. Di samping itu, sebanyak RM1.1 bilion disalurkan kepada program

pembangunan keusahawanan bertujuan untuk melahirkan usahawan yang cemerlang dan berdaya saing. Peruntukan turut disediakan untuk aktiviti promosi pelancongan seperti *Malaysia Year of Festivals 2015* dan program pembangunan pelancongan seperti eko-pelancongan. *Subsektor utiliti dan tenaga* diperuntukkan RM4.5 bilion (16% daripada sektor ekonomi) bagi tahun 2015. Peruntukan besar diberikan bagi menambah baik dan menaik taraf bekalan air dan elektrik terutama di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak serta meningkatkan perkhidmatan pembetungan khususnya di Wilayah Persekutuan.

Sektor sosial merupakan komponen kedua terbesar daripada DE dengan peruntukan berjumlah RM12.5 bilion. Daripada jumlah ini, RM5.6 bilion (45.1%) diperuntukkan bagi *subsektor pendidikan dan latihan*, terutamanya untuk pembinaan sekolah dan institusi latihan, penambahan bangunan universiti, penyelenggaraan dan menaik taraf peralatan serta meningkatkan latihan kemahiran dan mempergiat program penyelidikan. Sejarar dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik dan berkualiti kepada rakyat, sejumlah RM2.3 bilion diperuntukkan bagi *subsektor perumahan*. Kerajaan telah menyalurkan RM1.3 bilion kepada Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) untuk pembinaan rumah bagi isi rumah berpendapatan sederhana antara RM2,500 dan RM10,000 sebulan. Sehingga akhir bulan Jun 2015, 560 unit telah disiapkan di Putrajaya manakala 41,263 unit sedang dalam pembinaan di seluruh negara, kebanyakannya di Balik Pulau, Sungai Petani, Sepang, Santubong, Sandakan, Bukit Katil dan Johor Bahru. Sejumlah RM648 juta diperuntukkan kepada Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi isi rumah berpendapatan rendah di bawah RM2,500 sebulan. PPR ini diwujudkan bagi membolehkan golongan berpendapatan rendah membeli

atau menyewa rumah mampu milik, sekaligus meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sehingga kini, sebanyak 900 unit telah siap manakala 15,996 unit masih dalam pembinaan.

Kerajaan akan terus memberi perkhidmatan kesihatan berkualiti kepada rakyat dan memperuntukkan RM1.6 bilion untuk *subsektor kesihatan* terutamanya untuk menaik taraf dan menyelenggara hospital dan klinik, pembelian peralatan perubatan dan meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Antara projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk menaik taraf hospital di Putrajaya, Seberang Jaya dan Kuala Terengganu serta menambah baik fasiliti pembedahan dan hemodialisis di Hospital Papar, Sabah.

Keselamatan negara dan ketenteraman awam kekal menjadi keutamaan Kerajaan. Justeru itu, **sektor keselamatan** diperuntukkan RM4.9 bilion pada tahun 2015. Dalam memastikan sempadan dan keselamatan negara sentiasa terkawal, angkatan tentera Malaysia termasuk ejen penguatkuasaan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) telah diberi sejumlah peruntukan yang besar sebanyak RM3.6 bilion. Peruntukan perbelanjaan ini termasuk mempertingkatkan pengawasan, menaik taraf dan pembelian peralatan ketenteraan serta membina dan membaik pulih kuarters dan kem. Untuk meningkatkan lagi keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam, RM1.3 bilion diperuntukkan bagi memperkasa keupayaan dan kapasiti anggota beruniform melalui penaiktarafan sistem dan peralatan forensik, membaik pulih ibu pejabat polis daerah serta mempertingkatkan kemahiran dan latihan anggota beruniform khususnya dalam jenayah siber.

Perbelanjaan untuk **sektor pentadbiran am** dianggar berjumlah RM1.7 bilion bagi tahun 2015. Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk membeli peralatan ICT baharu dan menambah baik sistem aplikasi di jabatan kerajaan. Peruntukan juga disediakan bagi pembelian tanah serta membina, membaik pulih dan menyelenggara fasiliti kerajaan seperti kuarters dan mahkamah kehakiman.

Pembiayaan

Instrumen kewangan Islamik semakin diterima

Keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan akan diperoleh sebahagian besarnya daripada sumber dalam negeri memandangkan mudah tunai yang tinggi dalam pasaran kewangan domestik. Jumlah pinjaman kasar pada tahun 2015 dijangka lebih tinggi pada RM96.5 bilion terutamanya bagi bayaran balik pinjaman sedia ada berjumlah RM59 bilion manakala bakinya untuk membiayai defisit. Pinjaman domestik dianggar berjumlah RM90.5 bilion atau 93.8% daripada jumlah pinjaman manakala baki RM6 bilion (6.2%) adalah dari sumber luar negeri.

Pada tahun 2015, terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dianggar berjumlah RM50 bilion atau 55.2% daripada

pinjaman dalam negeri kasar manakala RM40.5 bilion diperoleh melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII). Dalam usaha mempromosi Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam utama, terbitan MGII telah ditingkatkan dan dijangka merangkumi 44.8% daripada jumlah pinjaman dalam negeri kasar berbanding 36.9% (2014). Selain itu, penyenaaran MGII dalam indeks utama global seperti *HSBC Asian Local Bond Index* pada tahun 2014 dan *Barclays Global Aggregate Index* pada tahun 2015 turut menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap instrumen hutang patuh Shariah berkualiti.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2015, kadar hasil MGS 5-tahun adalah antara 3.59% – 3.67%, manakala MGS 10-tahun berada dalam julat 3.83% – 4.03%. Kadar hasil MGS 10-tahun telah melebar sebanyak 20 mata asas dalam tempoh tersebut berikutan kebimbangan terhadap jangkaan kenaikan kadar faedah oleh US Federal Reserve (Fed) dan kemerosotan berterusan dalam harga komoditi. Sungguhpun terdapat peningkatan ketaktentuan tinggi dalam pasaran modal global, kadar hasil MGS dan MGII kekal menarik minat pelabur. Secara purata, terbitan MGS 10-tahun telah memperoleh nisbah bida-lindungan sebanyak dua kali, mencerminkan permintaan tinggi terhadap instrumen hutang Kerajaan yang berkualiti.

Pinjaman luar pesisir kasar bagi tahun 2015 dijangka meningkat kepada RM6 bilion melalui terbitan pinjaman pasaran dan pengeluaran pinjaman projek. Pada bulan April 2015, pinjaman pasaran diperoleh melalui terbitan sukuk global penanda aras sebanyak USD1.5 bilion (RM5.7 bilion) bagi menebus sukuk sedia ada berjumlah USD1.25 bilion (RM4.8 bilion) yang matang pada bulan

JADUAL 4.5

Pembiayaan Kerajaan Persekutuan 2014 – 2015

	RM juta		% Bahagian	
	2014	2015 ²	2014	2015 ²
Pinjaman kasar	91,017	96,485	100.0	100.0
Dalam negeri	90,740	90,500	99.7	93.8
MGS	57,240	50,000	62.9	51.8
MGII	33,500	40,500	36.8	42.0
Luar negeri	277	5,985	0.3	6.2
Pinjaman pasaran	-	5,718	-	5.9
Pinjaman projek	277	267	0.3	0.3
Bayaran balik	53,816	59,007	100.0	100.0
Dalam negeri	53,183	53,569	98.8	90.8
Luar negeri	633	5,438	1.2	9.2
Pinjaman bersih	37,201	37,478	-	-
Dalam negeri	37,557	36,931	-	-
Luar negeri	-356	547	-	-
Perubahan aset¹	213	-229	-	-
Jumlah keperluan pembiayaan	37,414	37,249	-	-

¹ (+) bererti penggunaan aset; (-) bererti pertambahan aset.

² Anggaran.

Rencana 2

Sukuk Wakala Global 2015

Pengenalan

Sukuk, berasal daripada perkataan Arab *sakk*, merujuk kepada sijil pelaburan yang memberi hak pemilikan aset kepada pelabur, termasuk aliran tunai dan risiko berkaitan dengan hak tersebut¹. Secara amnya, sukuk ditakrifkan sebagai sijil boleh pindah milik yang mewakili syer dalam pemilikan aset atau perniagaan yang disandarkan, di mana pemegang sukuk berhak menerima pulangan berkala dan penebusan penuh apabila matang. Pasaran sukuk global terus berkembang dengan lebih banyak terbitan rentas sempadan dan struktur berinovatif.

Pasaran sukuk global mencatat pertumbuhan menggalakkan, dengan jumlah terbitan tahunan meningkat hampir tiga kali ganda, daripada USD45 bilion pada tahun 2011 kepada USD118.8 bilion pada tahun 2014². Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh Malaysia, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), serta negara membangun yang berkembang pesat lain seperti Turki dan Indonesia. Rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan Syariah yang kukuh seiring dengan amalan terbaik serta dasar percukaian neutral, telah meletakkan Malaysia sebagai peneraju terbitan sukuk global, merangkumi 49.9% (USD19.8 bilion)³ pada akhir bulan Jun 2015. Selain itu, bagi terus memudahcara dan menyokong pembangunan pasaran modal Islam, Kerajaan telah mewujudkan Bursa Suq al-Sila' sebagai platform dagangan tunggal yang mengintegrasikan tiga pasaran iaitu kewangan, modal dan komoditi. Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang pada tahun 2010 untuk menyediakan sistem perundangan yang lebih kondusif. Terbitan sukuk di Malaysia juga adalah kos-efektif di mana penerbit sukuk antarabangsa mempunyai pilihan untuk membuat terbitan dalam ringgit atau mata wang asing menggunakan dokumentasi yang diterima pakai di peringkat antarabangsa.

Setelah kejayaan terbitan sukuk global bernilai USD2 bilion pada tahun 2011, Kerajaan sekali lagi kembali ke pasaran sukuk global pada bulan April 2015 dengan terbitan USD1.5 bilion. Sukuk global yang diterbitkan dalam dua tempoh matang, iaitu 10-tahun (USD1 bilion) dan 30-tahun (USD500 juta) berjaya memperoleh lebih langganan hampir enam kali, walaupun dalam keadaan ketidakpastian ekonomi dunia. Sukuk bertempoh matang 30-tahun telah menjadi penanda aras baharu sukuk berdaulat bertempoh terpanjang. Sukuk global tahun 2015 adalah sukuk berdaulat pertama di dunia ditawarkan di bawah struktur Wakala menggunakan aset bukan fizikal yang menjana pendapatan berbentuk hak penyertaan dalam perkhidmatan pengangkutan. Jenis aset ini adalah sebahagian aset sandaran terkumpul, yang juga meliputi aset ijarah dan komoditi murabahah. Sukuk Wakala ini telah melonjak nama Malaysia sebagai pencetus inovasi bagi struktur sukuk.

Sorotan Sukuk

Objektif

- Menebus sukuk sedia ada bernilai USD1.25 bilion yang matang pada bulan Jun 2015;
- Membiayai perbelanjaan pembangunan;
- Memenuhi permintaan semakin meningkat untuk sekuriti patuh Syariah berkualiti tinggi; dan
- Mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju inovasi dalam kewangan Islam.


Jenis Tawaran

- Sukuk penanda aras 10-tahun bernilai USD1 bilion yang matang pada tahun 2025; dan
- Sukuk penanda aras 30-tahun bernilai USD500 juta yang matang pada tahun 2045.

Sukuk global tahun 2015 diterbitkan melalui syarikat bertujuan khas, Malaysia Sovereign Sukuk Bhd dan telah disenaraikan di Bursa Saham Hong Kong, Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan serta Bursa Malaysia. Terbitan terbaru ini adalah sukuk Malaysia keempat dalam dolar AS, selepas terbitan sukuk pada tahun 2011 (USD2 bilion), tahun 2010 (USD1.25 bilion) dan tahun 2001 (USD600 juta).

CARTA 1

Terbitan Sukuk Baharu Mengikut Negara (H1 2015)



Sumber: Zawya ISRA.

¹ Rafe Haneef (2009) *From Asset-Backed to Asset-Light Structures: The Intricate History of Sukuk*. ISRA International Journal of Islamic Finance 1(1): 103-126.

² Berdasarkan anggaran *International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA).


³ Sumber: *Malaysia International Islamic Financial Centre* (MIFC).

Struktur

- Struktur inovatif patuh Syariah ini menggunakan konsep Wakala Bil-Istithmar iaitu komponen aset nyata terdiri daripada aset ijarah (sekurang-kurangnya 26%) dan hak penyertaan dalam perkhidmatan pengangkutan (tidak lebih daripada 26%) serta komponen terimaan murabahah daripada komoditi patuh Syariah (48%).
- Di bawah struktur ini, sebagai pemegang amanah dan penerbit sukuk, Malaysia Sovereign Sukuk Bhd (MSSB) akan mengeluarkan Sijil Amanah kepada pelabur sebagai pertukaran untuk terimaan daripada terbitan sukuk. Tidak kurang daripada 26% daripada terimaan terbitan itu akan digunakan untuk membeli kepentingan dalam aset ijarah (pajakan) termasuk tanah dan bangunan, manakala tidak lebih daripada 26% daripada terimaan terbitan itu akan digunakan untuk membeli hak untuk mengambil bahagian dalam perkhidmatan pengangkutan dengan cara pemberian geran.
- Kerajaan Malaysia dilantik oleh penerbit sebagai wakeel (ejen) untuk menyediakan perkhidmatan wakala berkaitan aset ijarah dan hak untuk mengambil bahagian dalam perkhidmatan pengangkutan.
- MSSB, sebagai pemegang amanah hendaklah memajak aset ijarah kepada Kerajaan Malaysia untuk tempoh bersamaan dengan tempoh Sijil Amanah sebagai balasan bagi pembayaran sewa berkala, yang akan digunakan untuk membayar jumlah pengagihan berkala kepada pemegang sijil. MSSB juga hendaklah memberi sub-geran hak untuk mengambil bahagian dalam perkhidmatan pengangkutan kepada Kerajaan Malaysia bagi tempoh bersamaan dengan tempoh Sijil Amanah dengan ganjaran bayaran.
- Baki terimaan terbitan yang tidak melebihi 48% digunakan oleh pemegang amanah untuk membeli komoditi patuh Syariah dari Bursa Suq Al-Sila' melalui ejen. Selepas itu, komoditi tersebut dijual kepada Kerajaan Malaysia pada harga pembayaran tertangguh, yang perlu dibayar pada tarikh pembubaran atau tarikh lain yang diperuntukkan dalam Perjanjian Murabahah.
- Pada tarikh pembubaran, Kerajaan Malaysia sebagai penanggung obligasi akan membeli aset ijarah dan hak untuk mengambil bahagian dalam perkhidmatan pengangkutan daripada pemegang amanah pada harga pelaksanaan sukuk. Harga pelaksanaan tersebut hendaklah sekurang-kurangnya bersamaan 51% atau lebih daripada nilai muka terkumpul Sijil Amanah yang masih tertunggak serta jumlah pengagihan berkala yang masih belum dibayar seperti yang diperuntukkan dalam Aku Janji Pembelian.
- MSSB sebagai penerbit sukuk akan menggunakan terimaan daripada penjualan aset ijarah dan hak untuk mengambil bahagian dalam perkhidmatan pengangkutan dan membayar harga bayaran tertangguh untuk menebus Sijil Amanah.

CARTA 2

Gambarajah Struktur Wakala



Penarafan


Sukuk global ini telah diberikan penarafan kredit A3 (Positif) dan A- (Stabil) oleh dua agensi penarafan antarabangsa, Moody's dan Standard & Poor's.

Pengagihan dan Profil Pelabur

Transaksi sukuk global ini telah mendapat sambutan amat menggalakkan daripada pelabur antarabangsa khususnya Timur Tengah. Runding niaga ini telah mencatat langganan terbesar berjumlah USD9 bilion. Kedua-dua sukuk berkenaan telah ditetapkan pada harga kompetitif, iaitu sukuk bertempoh matang 10-tahun (USD1 bilion) ditetapkan pada kadar keuntungan 3.043% manakala sukuk 30-tahun (USD500 juta) pada 4.236%.

Transaksi sukuk ini telah diagihkan dengan Malaysia dan Timur Tengah sebagai penerima utama, masing-masing sebanyak 28% dan 24% bagi tempoh matang 10-tahun. Dari segi profil pelabur, pengurus dana merupakan pelabur terbesar sebanyak 34%, diikuti oleh kerajaan asing, bank pusat dan supranasional (27%); bank (24%) serta dana persaraan dan syarikat insurans (15%). Sementara itu, bagi sukuk 30-tahun, Asia (tidak termasuk Malaysia) dan Amerika Syarikat merupakan pelabur terbesar dan kedua terbesar, masing-masing pada 35% dan 29%. Pengurus dana juga mendominasi sukuk 30-tahun pada 45%, diikuti oleh dana persaraan dan syarikat insurans (29%), kerajaan asing, bank pusat dan supranasional (17%) dan bank (9%)

CARTA 3
Agihan dan Profil Pelabur



Pencapaian

Terbitan penting ini mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam arena sukuk global dan merekodkan beberapa pencapaian 'pertama' dalam pasaran sukuk berdaulat seperti berikut:

- Terbitan sukuk berdaulat pertama di dunia bertempoh 30-tahun, membolehkan Kerajaan Malaysia mewujudkan tempoh penanda aras baharu bagi sukuk berdaulat; dan
- Sukuk berdaulat pertama di dunia menggunakan hak penyertaan dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai aset sandaran.

Kejayaan terbitan sukuk global ini mencerminkan keyakinan pelabur antarabangsa terhadap keupayaan kredit Malaysia dan kukuhkan fundamental makroekonomi, dasar monetari yang akomodatif, kedudukan fiskal yang kukuh serta ekonomi yang pelbagai dan berdaya saing. Struktur sukuk berinovatif ini merupakan satu kelainan berbanding struktur biasa yang menggunakan aset nyata seperti tanah, pejabat dan bangunan. Struktur ini juga telah mewujudkan kategori aset baharu yang membuka peluang kepada kerajaan asing dan syarikat korporat untuk menggunakan struktur berinovasi ini dengan meluas.

JADUAL 4.6

Hutang Kerajaan Persekutuan 2014 – 2015

	RM juta		% Bahagian		% KDNK	
	2014	2015 ¹	2014	2015 ¹	2014	2015 ¹
Hutang dalam negeri	566,052	608,676	97.1	97.0	51.2	52.4
Bil Perbendaharaan	4,320	5,840	0.7	0.9	0.4	0.5
MGS	329,632	343,836	56.6	54.8	29.8	29.6
MGII	185,500	207,000	31.8	33.0	16.8	17.8
KWPP	46,600	52,000	8.0	8.3	4.2	4.5
Pinjaman luar pesisir	16,776	18,824	2.9	3.0	1.5	1.6
Pinjaman pasaran	11,469	13,343	2.0	2.1	1.0	1.1
Pinjaman projek	5,307	5,481	0.9	0.9	0.5	0.5
Jumlah	582,828	627,500	100.0	100.0	52.7	54.0
<i>Item memorandum:</i>						
Pegangan hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	151,377	180,104	26.0	28.7	13.7	15.5

¹ Pada akhir Jun 2015.

Jun 2015 serta membiayai DE. Terbitan sukuk global ini dibahagi kepada dua tempoh matang, iaitu 10-tahun berjumlah USD1 bilion dan 30-tahun berjumlah USD0.5 bilion. Bagi sukuk bertempoh matang 10-tahun, kadar pulangan ditetapkan pada 3.043%, manakala 4.236% bagi 30-tahun. Terbitan sukuk ini mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju terbitan sukuk dan inovasi kewangan Islam. Sukuk bertempoh matang 30-tahun telah meletakkan penanda aras baharu sebagai sukuk berdaulat yang mempunyai tempoh matang paling panjang. Pada tahun 2015, pinjaman projek berjumlah RM267 juta dijangka diperoleh daripada sumber dua hala (antara kerajaan dengan kerajaan) dan pelbagai hala (institusi kewangan antarabangsa) bagi membiayai projek dan program sedia ada berkaitan dengan pendidikan, tenaga, penyaluran air mentah serta pembangunan pertanian.

Hutang

Hutang kekal di bawah paras berhemat

Kerajaan komited terhadap pengurusan hutang yang efisien melalui pematuhan kepada undang-undang dan peraturan fiskal. Sehubungan itu, konsolidasi fiskal yang mensasarkan penurunan defisit juga akan mengekang penambahan hutang baharu. Sehingga akhir bulan Jun 2015, **hutang Kerajaan Persekutuan** yang merujuk jumlah terkumpul semua pinjaman Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM627.5 bilion (54% daripada KDNK). Jumlah hutang telah meningkat terutamanya disebabkan oleh terbitan hutang dalam negeri yang lebih tinggi bagi memenuhi keperluan pembiayaan defisit. Hutang dalam negeri mewakili 97% (RM608.7 bilion) kekal sebagai komponen terbesar dengan MGS dan MGII merangkumi 87.8% (47.4% daripada KDNK) daripada jumlah hutang. Baki 3% (RM18.8 bilion) daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan merupakan hutang pinjaman luar pesisir yang sebahagian besarnya adalah dalam mata wang dolar AS.

Pinjaman luar pesisir kekal terkawal pada 1.6% daripada KDNK meskipun terdapat pengukuhan nilai mata wang dolar AS. Hutang Kerajaan Persekutuan masih di bawah paras berhemat 55% daripada KDNK dan meletakkan Malaysia dalam kalangan negara berhutang sederhana.

Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan mencerminkan keperluan pembiayaan terkumpul bagi membiayai defisit dan skim pinjaman perumahan penjawat awam. Sehingga akhir bulan Jun 2015, hutang bagi membiayai defisit mencatat RM569.7 bilion (49.1% daripada KDNK), merangkumi jumlah terkumpul penerbitan MGS, MGII, pinjaman pasaran dan pinjaman projek. Bagi mematuhi disiplin fiskal dan garis panduan yang ditetapkan, hutang ini adalah hanya bagi membiayai DE. Sehubungan itu, OE akan dipastikan sentiasa lebih rendah berbanding anggaran hasil untuk memastikan lebih akaun semasa fiskal kekal mencatat lebihan.

Sehingga akhir bulan Jun 2015, MGS terus menjadi instrumen hutang terbesar Kerajaan berjumlah RM343.8 bilion (54.8% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan) manakala MGII sebanyak RM207 bilion (33%). Institusi kewangan terus menjadi pemegang utama MGS dan MGII dengan pegangan 31.3%, diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (23.2%) dan syarikat insurans (5.5%). Pinjaman pasaran terkumpul berjumlah RM13.3 bilion (70.9%), kekal menjadi komponen terbesar pinjaman luar pesisir manakala pinjaman projek berjumlah RM5.5 bilion.

Mengikut Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (KWPP) telah ditubuhkan untuk menyediakan pembiayaan kepada penjawat awam bagi pembelian rumah. Pembiayaan tahunan KWPP diperoleh daripada pasaran domestik dalam bentuk pinjaman berjangka dan Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK). Sehingga akhir bulan Jun 2015, hutang KWPP berjumlah RM52 bilion (4.5% daripada KDNK), merangkumi 8.3% daripada jumlah hutang Kerajaan

JADUAL 4.7

Hutang Luar Malaysia 2014 – 2015

	RM juta		% Bahagian		% KDNK	
	2014	2015 ³	2014	2015 ³	2014	2015 ³
Pinjaman luar pesisir	371,068	419,881	49.6	52.9	33.5	36.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	211,417	256,240	28.3	32.3	19.1	22.1
Sektor awam	93,119	119,435	12.5	15.0	8.4	10.3
Kerajaan Persekutuan	16,776	18,824	2.2	2.4	1.5	1.6
Syarikat awam	76,343	100,611	10.2	12.7	6.9	8.7
Sektor swasta	118,298	136,805	15.8	17.2	10.7	11.8
Hutang jangka pendek	159,651	163,641	21.4	20.6	14.4	14.1
Pegangan bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit	223,260	209,210	29.9	26.3	20.2	18.0
Hutang jangka sederhana dan panjang	162,365	186,385	21.7	23.5	14.7	16.0
Kerajaan Persekutuan	151,071	175,958	20.2	22.2	13.7	15.2
Lain-lain ¹	11,294	10,427	1.5	1.3	1.0	0.9
Hutang jangka pendek	60,895	22,825	8.1	2.9	5.5	2.0
Deposit bukan pemastautin	87,665	95,729	11.7	12.1	7.9	8.2
Lain-lain²	65,492	69,465	8.8	8.7	5.9	6.0
Jumlah	747,485	794,285	100.0	100.0	67.5	68.4

¹ Termasuk sektor swasta dan syarikat awam.

² Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain.

³ Pada akhir Jun 2015.

Persekutuan. Pada bulan Jun 2015, Kerajaan telah menubuhkan sebuah badan berkanun dikenali sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) di bawah Kementerian Kewangan yang akan mengambil alih Bahagian Pinjaman Perumahan sedia ada, untuk terus menambah baik pengurusan skim pinjaman perumahan penjawat awam. Langkah ini membolehkan LPPSA menjadi entiti berautonomi dalam menguruskan aset dan liabilitinya. LPPSA akan menguruskan semua perkara berkaitan pinjaman perumahan dengan lebih cekap pada masa yang sama mengekalkan semua terma dan syarat kemudahan pinjaman sedia ada kepada penjawat awam. LPPSA dijangka mula beroperasi pada akhir tahun 2015.

Sebagai instrumen pengurusan aliran tunai, Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) telah diterbitkan secara berkala dengan tempoh matang 3-bulan, 6-bulan, 9-bulan dan 12-bulan. Terbitan MTB dan MITB telah distruktur semula bermula bulan Jun 2015 bagi menyediakan pengurusan aliran tunai jangka pendek yang lebih fleksibel. Penstrukturan ini melibatkan penggabungan terbitan bersaiz kecil dengan kekerapan tinggi kepada terbitan bersaiz penanda aras dan kekerapan yang lebih rendah. Langkah ini selaras dengan amalan terbaik global di mana pengurusan bil perbendaharaan yang aktif berfungsi sebagai alat pengurusan aliran tunai jangka pendek yang lebih cekap dan kos efektif. Di samping itu, terbitan bersaiz penanda aras ini dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada institusi kewangan berikutan keperluan terhadap aset cair berkualiti

tinggi di bawah Basel III. Sehingga akhir bulan Jun 2015, keseluruhan hutang MTB dan MITB adalah RM5.8 bilion (0.5% daripada KDNK) meliputi 0.9% daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan akan memastikan keperluan pembiayaan dan obligasi bayaran khidmat hutang dalam jangka sederhana dan panjang dilaksanakan pada kos minimum. Pada tahun 2015, bayaran khidmat hutang yang sebahagian besarnya terdiri daripada bayaran kupon dan faedah, kekal terkawal pada 11% daripada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan, lebih rendah berbanding paras *threshold* 15%.

Hutang luar⁵ Malaysia berjumlah RM794.3 bilion (68.4% daripada KDNK) pada akhir bulan Jun 2015 (akhir-2014: RM747.5 bilion; 67.5%). Sebahagian besar daripada jumlah ini disumbangkan oleh pegangan bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit dan deposit (26.2% daripada KDNK) dan diikuti sektor swasta (11.8% daripada KDNK). Manakala pinjaman luar pesisir sektor awam berjumlah 10.3% daripada KDNK, di mana hutang Kerajaan Persekutuan hanya 1.6%. Peningkatan hutang luar Malaysia sebahagiannya disebabkan kesan penyusutan ringgit memandangkan kira-kira 60% hutang luar berdenominasi mata wang asing.

Pinjaman luar pesisir meningkat kepada RM419.9 bilion (52.9% daripada jumlah hutang luar) pada akhir bulan Jun 2015, disebabkan pinjaman bersih hutang jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi oleh sektor swasta bukan bank serta syarikat awam. Hutang luar

⁵ Merangkumi pinjaman luar pesisir oleh Kerajaan Persekutuan, syarikat awam dan sektor swasta serta pegangan oleh bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit, deposit oleh bukan pemastautin, kredit perdagangan yang diperoleh dengan rakan niaga asing dan lain-lain liabiliti hutang.

peisir Kerajaan Persekutuan menunjukkan aliran yang sama dengan peningkatan 12.2% kepada RM18.8 bilion, namun kekal rendah pada 4.5% daripada jumlah pinjaman luar pesisir. Sementara itu, peningkatan pinjaman luar pesisir jangka pendek adalah berikutan aktiviti pinjaman antara bank yang lebih tinggi. Dalam tempoh enam bulan pertama 2015, nisbah khidmat hutang⁶ pinjaman luar pesisir berada pada paras 16.3%.

Pegangan bukan pemastautin dalam sekuriti hutang berdenominasi ringgit, sebahagian besarnya sekuriti hutang jangka panjang dan sederhana, meningkat kepada RM209.2 bilion pada akhir bulan Jun 2015. Pegangan pelabur asing dalam MGS dan MGII adalah sebanyak 32.1% (akhir-2014: 29.2%). Penyertaan berterusan pelabur asing dalam pasaran bon dan sukuk Malaysia mencerminkan keyakinan pelabur terhadap asas makroekonomi domestik, selaras dengan keinginan pelabur memilih instrumen lebih berkualiti dengan kadar pulangan lebih tinggi. Namun, peningkatan jangkaan terhadap kenaikan kadar faedah Fed dan pengukuhan mata wang dolar AS berbanding mata wang utama dan serantau, termasuk ringgit, telah menyebabkan aliran keluar kecil pegangan MGS daripada 48.5% pada bulan Jun kepada 45.6% pada bulan September 2015 namun masih lebih tinggi daripada paras 44.9% pada akhir tahun 2014. Walau bagaimanapun, institusi tempatan yang kukuh dan berjangka panjang serta pasaran modal yang maju berupaya menyerap sebarang aliran keluar modal dari pasaran kewangan. Sungguhpun begitu, pegangan asing MGII meningkat kepada 4.1% pada bulan September 2015 (akhir-2014: 2.8%) kerana instrumen ini didagangkan lebih aktif berikutan penyenaaraiannya dalam indeks utama global.

Kerajaan Negeri

Hasil janaan kerajaan negeri kekal tinggi

Pada tahun 2015, memandangkan hasil disatukan kerajaan negeri terus melebihi OE, baki semasa dijangka mencatat lebihan RM9.4 bilion. Walau bagaimanapun, dengan DE yang lebih tinggi, baki keseluruhan dianggar mencatat defisit berjumlah RM939 juta (0.1% daripada KDNK).

Hasil negeri disatukan, merangkumi cukai langsung dan tidak langsung, hasil bukan cukai serta terimaan bukan hasil, dijangka berkurang 13.4% kepada RM21.6 bilion. Cukai langsung, termasuk cukai berasaskan tanah, perlombongan dan perhutanan dianggar meningkat 27.8% kepada RM2.5 bilion sementara cukai tidak langsung dijangka menyusut kepada RM1.8 bilion terutamanya disebabkan oleh kutipan cukai jualan minyak sawit mentah (CPO) yang lebih rendah. Hasil bukan cukai pula, dianggar berkurang kepada RM11.1 bilion, terutamanya disebabkan

JADUAL 4.8

Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Disatukan 2014 – 2015

	RM juta		% Pertumbuhan	
	2014	2015 ¹	2014	2015 ¹
Hasil	24,989	21,631	6.1	-13.4
Perbelanjaan mengurus	12,036	12,279	-7.3	2.0
Baki semasa	12,953	9,352	22.5	-27.8
Perbelanjaan pembangunan kasar	8,126	10,503	5.7	29.3
Kumpulan Wang Pembangunan	7,947	10,313	4.9	29.8
Kumpulan Wang Bekalan Air	179	190	53.0	6.1
Tolak: Terimaan balik pinjaman	286	212	5.1	-25.9
Perbelanjaan pembangunan bersih	7,840	10,291	5.7	31.3
Baki keseluruhan	5,113	-939	62.2	-118.4
% KDNK	0.5	-0.1		

¹ Anggaran.

oleh kutipan lebih rendah daripada pendapatan pelaburan dan royalti petroleum. Terimaan bukan hasil, terutamanya geran daripada Kerajaan Persekutuan, dijangka berkurang kepada RM6.2 bilion.

Hasil janaan kerajaan negeri adalah 73.2% (RM15.8 bilion) daripada jumlah hasil, manakala terimaan geran Kerajaan Persekutuan dan bayaran ganti Persekutuan mewakili 26.8% (RM5.8 bilion). Royalti petroleum, pendapatan pelaburan, premium dan cukai tanah serta cukai jualan CPO pula menyumbang 72.8% (RM11.5 bilion) kepada hasil janaan sendiri. Kerajaan negeri terus mempertingkatkan usaha kutipan hasil dan bayaran tertunggak terutamanya cukai tanah serta terimaan balik pinjaman syarikat milik kerajaan negeri.

Jumlah perbelanjaan kerajaan negeri dijangka meningkat 13% kepada RM22.8 bilion pada tahun 2015 (2014: -2.5%; RM20.2 bilion). OE dijangka naik 2% kepada RM12.3 bilion terutamanya disebabkan oleh bayaran emolumen serta bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi. Pada tahun 2015, DE dijangka meningkat 29.3% kepada RM10.5 bilion dengan sebahagian besar perbelanjaan disalurkan untuk pembinaan perumahan awam, penambahbaikan bekalan air, pengukuhan pendidikan dan latihan serta pembangunan pertanian dan luar bandar. Secara kolektif, Sarawak, Selangor, Johor dan Sabah menjadi penyumbang terbesar kepada jumlah DE. Berikutan kutipan hasil hanya mampu menampung OE dan sebahagian DE, kekurangan akan dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan rizab kerajaan negeri.

⁶ Mengukur bayaran balik prinsipal (tidak termasuk prabayaran) dan bayaran faedah pinjaman luar pesisir sebagai nisbah kepada jumlah eksport kasar barangan dan perkhidmatan.

Kerajaan Am

Kedudukan kewangan disatukan kerajaan am⁷, selepas mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih antara kerajaan, dijangka mencatatkan lebih semasa lebih tinggi sebanyak RM21.5 bilion pada tahun 2015 (2014: RM19.6 bilion). Walau bagaimanapun, DE kerajaan am dijangka meningkat kepada RM56.2 bilion (2014: RM49 bilion), sebahagian besarnya disebabkan DE Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi. Oleh itu, kerajaan am dianggar mencatat defisit keseluruhan RM34.8 bilion (3% daripada KDNK) pada tahun 2015.

Syarikat Awam Bukan Kewangan

Perbelanjaan modal kekal tinggi

Syarikat awam bukan kewangan (SABK) terus memberi sumbangan besar kepada ekonomi dari segi pelaburan modal dan pewujudan peluang pekerjaan, terutamanya dalam sektor tenaga, pengangkutan dan telekomunikasi. Walaupun dengan persekitaran luar yang mencabar, perbelanjaan modal SABK dijangka terus meningkat. Pada tahun 2015, meskipun hasil dianggar lebih rendah, baki semasa SABK dijangka kekal mencatat lebih RM43 bilion (2014: RM68.2 bilion). Dari segi perakaunan asas tunai, setelah mengambil kira DE, defisit keseluruhan SABK dijangka mencatat RM68.4 bilion.

Memandangkan PETRONAS merupakan penyumbang terbesar kepada hasil keseluruhan, penurunan harga minyak mentah dunia akan memberi kesan ketara kepada hasil SABK disatukan. Walau bagaimanapun, hasil daripada sektor telekomunikasi, tenaga dan pembinaan dijangka meningkat. Secara keseluruhan, hasil SABK disatukan dijangka menyusut 15% kepada RM400.7 bilion (2014: 5.1%; RM471.4 bilion). Sementara itu, perbelanjaan semasa SABK disatukan juga dijangka berkurang 11.3% kepada RM357.8 bilion pada tahun 2015.

JADUAL 4.10

Kedudukan Kewangan SABK¹ Disatukan 2014 – 2015

	RM juta		% Pertumbuhan	
	2014	2015 ²	2014	2015 ²
Hasil	471,389	400,743	5.1	-15.0
Perbelanjaan semasa	403,160	357,754	9.1	-11.3
Baki semasa	68,229	42,989	-13.9	-37.0
Perbelanjaan modal	105,683	111,380	17.5	5.4
Baki keseluruhan	-37,454	-68,391	252.5	82.6
% KDNK	-3.4	-5.9		

¹ Merujuk kepada 29 SABK utama.

² Anggaran.

SABK terus melaksanakan pelaburan modal untuk mengembang dan mempelbagai aktiviti perniagaan serta mengoptimum pembentukan nilai yang memberi manfaat kepada sosioekonomi secara keseluruhan. Perbelanjaan modal SABK dianggar bertambah 5.4% kepada RM111.4 bilion (2014: 17.5%; RM105.7 bilion) dan akan digunakan bagi membiayai projek yang sedang dilaksana dan telah dirancang, meskipun dalam persekitaran yang mencabar. Keperluan pelaburan sebahagian besarnya dibiayai melalui keuntungan terkumpul dan rizab. Antara projek utama sedang dilaksanakan termasuk pembinaan fasiliti penapisan dan petrokimia di Pengerang serta LNG terapung di luar pesisir Sabah dan Sarawak; loji hidroelektrik di Ulu Jelai, Pahang; Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 serta Mass Rapid Transit (MRT) Sg. Buloh – Kajang dan sambungan laluan Transit Aliran Ringan (LRT).

Sektor Awam Disatukan

Sektor awam disatukan meliputi kerajaan am dan SABK dijangka mencatat lebih semasa RM64.3 bilion (2014: RM87.6 bilion). Pengurangan 26.7% ini sebahagian besarnya disebabkan unjuran lebih semasa SABK

JADUAL 4.9

Kedudukan Kewangan Kerajaan Am Disatukan 2014 – 2016

	RM juta			% Pertumbuhan		
	2014	2015 ¹	2016 ²	2014	2015 ¹	2016 ²
Hasil	263,276	260,316	267,733	4.9	-1.1	2.8
Perbelanjaan mengurus	243,663	238,841	248,325	2.6	-2.0	4.0
Baki semasa	19,613	21,475	19,408	43.5	9.5	-9.6
Perbelanjaan pembangunan	49,038	56,237	60,260	-1.1	14.7	7.2
Baki keseluruhan	-29,425	-34,762	-40,852	-18.1	18.1	17.5
% KDNK	-2.7	-3.0	-3.3			

¹ Anggaran disemak.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2016.

⁷ Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun.

JADUAL 4.11

Kedudukan Kewangan Sektor Awam Disatukan 2014 – 2016

	RM juta			% Pertumbuhan		
	2014	2015 ¹	2016 ²	2014	2015 ¹	2016 ²
Hasil	204,941	215,188	234,832	6.5	5.0	9.1
Perbelanjaan mengurus	243,393	238,602	248,049	2.7	-2.0	4.0
Baki semasa SABK	126,090	87,687	94,518	-8.2	-30.5	7.8
Baki semasa sektor awam	87,638	64,273	81,301	-5.6	-26.7	26.5
Perbelanjaan pembangunan	154,567	167,455	169,436	10.9	8.3	1.2
Kerajaan am	48,884	56,075	60,042	-1.2	14.7	7.1
SABK	105,683	111,380	109,394	17.5	5.4	-1.8
Baki keseluruhan	-66,929	-103,182	-88,135	43.7	54.2	-14.6
% KDNK	-6.0	-8.9	-7.1			

¹ Anggaran.

² Anggaran Bajet, tidak termasuk langkah Bajet 2016.

yang lebih rendah berikutan kejatuhan harga minyak mentah. Sementara itu, DE sektor awam disatukan dijangka meningkat 8.3% kepada RM167.5 bilion (2014: RM154.6 bilion) terutamanya perbelanjaan lebih tinggi oleh SABK dan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, defisit sektor awam disatukan, setelah mengambil kira pindahan dan pinjaman bersih, dianggar berjumlah RM103.2 bilion (8.9% daripada KDNK) pada tahun 2015.

Prospek

Kedudukan Kewangan Pada Tahun 2016

Teras dasar fiskal pada tahun 2016 akan terus memberi penekanan kepada konsolidasi fiskal dengan mengurangkan lagi defisit fiskal ke arah mencapai bajet berimbang pada tahun 2020. Di samping memastikan kewangan awam yang kukuh, dasar fiskal akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, usaha konsolidasi ini lebih mencabar dalam persekitaran ekonomi global tidak menentu termasuk harga komoditi rendah yang berpanjangan, pertumbuhan ekonomi China yang perlahan dan jangkaan kenaikan kadar faedah Fed. Walaupun berhadapan dengan cabaran ini, Kerajaan akan terus meningkatkan disiplin perbelanjaan dengan memberi fokus kepada kecekapan dan keberkesanan kos. Selain itu, usaha meningkatkan kutipan hasil akan diperkukuh dengan memperluas asas cukai dan mengurangkan jurang cukai. Dengan semua langkah ini, defisit fiskal dijangka berjumlah RM38.8 bilion atau 3.1% daripada KDNK pada tahun 2016 (2015: 3.2%).

Pada tahun 2016, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat marginal 1.4% kepada RM225.7 bilion, di mana sebahagian besarnya disumbang oleh kutipan hasil cukai yang lebih tinggi. Sejarar dengan jangkaan harga minyak mentah dunia yang lebih rendah, sumbangan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah

hasil dianggar menyusut kepada 14.1% berbanding 19.7% (2015). Sementara itu, kutipan GST pada tahun 2016 dijangka melonjak kepada RM39 bilion (3.1% daripada KDNK) berikutan pelaksanaannya bagi tempoh 12 bulan, mengimbangi pengurangan dalam hasil berkaitan petroleum. Oleh itu, peratusan hasil bukan petroleum dijangka meningkat kepada 85.9% (2015: 80.3%).

Peruntukan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 1.7% kepada RM265.2 bilion (2015: RM260.7 bilion) dengan 81.1% (RM215.2 bilion) disediakan bagi OE dan baki 18.9% (RM50 bilion) untuk DE. OE dijangka meningkat marginal 0.9% berikutan usaha berterusan merasionalisasi dan mengoptimum perbelanjaan Kerajaan. Perbelanjaan tanggungan termasuk bayaran khidmat hutang, bayaran persaraan serta pemberian kepada kerajaan negeri dianggar berjumlah RM51.7 bilion. Emolumen yang merupakan komponen terbesar OE akan diperuntukkan RM70.5 bilion (32.7%) manakala bekalan dan perkhidmatan diperuntukkan RM36.3 bilion (16.9%). Selaras dengan pelaksanaan sistem pengapungan terkawal harga minyak, peruntukan subsidi, insentif dan bantuan kekal rendah secara relatif pada RM26.1 bilion (12.1%), mencerminkan mekanisme pemberian subsidi lebih bersasar serta mengurangkan gangguan pasaran dan ketirisan.

DE dijangka meningkat 5.4%, mewakili 19.2% daripada jumlah siling RMKe-11 (RM260 bilion). Sektor ekonomi yang merupakan penerima terbesar diperuntukkan RM30.3 bilion (60.6%). Peruntukan akan disediakan bagi melaksanakan projek infrastruktur dan pengangkutan awam untuk meningkatkan akses dan jaringan; membina, menaik taraf dan menyelenggara jalan dan jambatan; mempertingkatkan sistem bekalan air dan elektrik terutama di kawasan pedalaman; serta pelaksanaan program pertanian.

Bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, sektor sosial diperuntukkan RM13.1 bilion. Sejumlah RM4.7 bilion diperuntukkan kepada subsektor pendidikan dan latihan

untuk memenuhi permintaan tinggi ke atas tenaga kerja berbakat, berkemahiran tinggi, kreatif dan berinovatif. Di samping itu, RM4.4 bilion disediakan kepada subsektor kesihatan dan perumahan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan membina lebih banyak rumah mampu milik terutamanya bagi kumpulan berpendapatan rendah. Sektor keselamatan yang meliputi pertahanan dan keselamatan dalam negeri, akan diperuntukkan RM5 bilion bagi memperkasa keupayaan dan kapasiti pasukan keselamatan dan polis melalui pembelian dan penaiktarafan peralatan serta mempertingkatkan sistem pengawasan. Bagi sektor pentadbiran am, RM1.6 bilion akan diperuntukkan untuk menaik taraf fasiliti kerajaan di seluruh negara.

Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) 2016 – 2018

MTFF memastikan komitmen ke arah konsolidasi fiskal

MTFF membolehkan pengurusan kewangan lebih cekap dan efektif serta dapat mengenal pasti potensi penyimpangan daripada sasaran asal. Tempoh 2016 – 2018 merupakan fasa pertama MTFF dan akan disemak semula setiap tahun. Dalam tempoh ini, baki semasa dijangka kekal mencatat lebih dengan purata tahunan 1.1% daripada KDNK (2015: 0.8%). Lebihan semasa yang semakin baik disokong oleh pengurangan OE sebanyak 1.3% daripada KDNK kepada 17.1% (2015: 18.4%) walaupun hasil berkurang sebanyak 1% daripada KDNK kepada 18.2% (2015: 19.2%), dalam keadaan harga komoditi yang rendah. Justeru, defisit fiskal bagi tempoh jangka sederhana disasar pada purata 2.7% daripada KDNK. Kadar pengurangan defisit secara beransur-ansur akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi, pada masa yang sama menyediakan keupayaan fiskal yang mencukupi.

Jumlah hasil dalam tempoh MTFF diunjur mencatat 18.2% daripada KDNK dengan hasil cukai dianggar mencatat 14.9% (2015: 14.6%) dan hasil bukan cukai 3.3%. Jangkaan hasil cukai lebih tinggi ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi berterusan dan usaha menyeluruh terutamanya melalui peningkatan pendidikan, pematuhan dan pengauditan cukai. Selain itu, struktur cukai yang lebih komprehensif dapat mengurangkan jurang cukai dalam bentuk pengelakan dan pelarian cukai serta meningkatkan lagi nisbah keapungan cukai yang mencatat purata 1% dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Sejarar dengan usaha memperluas asas hasil, purata sumbangan hasil bukan petroleum kepada jumlah hasil

JADUAL 4.12

Kerangka Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) 2016 – 2018

	RM bilion 2016 – 2018	% KDNK 2016 – 2018
Hasil	729.5	18.2
Bukan petroleum	631.6	15.7
Berkaitan petroleum	97.9	2.4
Perbelanjaan mengurus	685.7	17.1
Baki semasa	43.8	1.1
Perbelanjaan pembangunan kasar	153.0	3.8
Tolak: Terimaan balik pinjaman	2.4	0.1
Perbelanjaan pembangunan bersih	150.6	3.8
Baki keseluruhan	-106.8	-2.7
Asas andaian:		
Pertumbuhan KDNK benar (%)	4.5 – 5.5	
Pertumbuhan KDNK nominal (%)	7.0 – 8.0	
Harga minyak mentah (USD sebarel)	48 – 60	
Pengeluaran minyak (barel sehari)	600,000	

dijangka meningkat kepada 86.6% atau 15.7% daripada KDNK (2015: 80.3%; 15.4%) manakala hasil berkaitan petroleum dijangka mewakili 2.4% daripada KDNK dalam tempoh MTFF (2015: 3.8%).

Komitmen tegas dalam menetapkan kerangka siling perbelanjaan 3-tahun akan meningkatkan kapasiti Kerajaan dalam mengurus perbelanjaan dan melaksana inisiatif pembaharuan berpandukan agenda jangka sederhana yang digariskan dalam RMKe-11. Siling indikatif keseluruhan bagi OE adalah RM685.7 bilion (17.1% daripada KDNK) bagi tempoh 2016 – 2018 manakala peruntukan DE adalah terhad kepada siling keseluruhan RMKe-11. MTFF menetapkan jumlah siling OE untuk setiap kementerian bagi memastikan strategi konsolidasi berada pada landasan tepat. Secara ringkas, pendekatan baharu penetapan awal siling indikatif bertujuan mencapai kapasiti perbelanjaan optimum selaras dengan usaha konsolidasi fiskal. Antara inisiatif mengawal perbelanjaan termasuk rasionalisasi subsidi secara beransur-ansur melalui mekanisme lebih bersasar, perolehan yang lebih kos efektif dan menambah baik perkhidmatan awam serta menggalakkan entiti kerajaan lebih berdikari dari segi kewangan dan mengurangkan kebergantungan kepada geran Kerajaan.